

# Najib dapat 'jam mewah'

## Bekas PM terima ketika hadiri mesyuarat BOD di London: Saksi

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menerima hadiah 'jam tangan mewah' daripada pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif PetroSaudi International Limited (PSI) Tarek Obaid.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif IMDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, 49, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, beliau tidak pernah melihat jenis jam tangan itu, tetapi ia 'kelihatan mewah'.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada hari ke-14 percicaraan kes Najib membabitkan dana IMDB.

Shahrol Azral berkata, Najib mendapat hadiah itu ketika menghadiri mesyuarat bersama Ahli Lembaga Pengarah (BOD) IMDB bersama PSI di Hotel Four Seasons London pada 16 Mei 2011.

Katanya, selain dirinya, Najib, Pengerusi BOD IMDB, Che Lodin Wok Kamaruddin dan Tarek, Pengarah PSI, Patrick Mahony serta ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low turut menghadiri mesyuarat itu.

Terdahulu dalam keterangannya, Shahrol Azral berkata, Jho

Low memberitahunya yang PSI kecewa dan tidak berpuas hati dengan tindakan IMDB mengurangkan pembayaran dana pelaburan AS\$330 juta kepada AS\$205 juta sahaja.

PSI adalah rakan kerjasama strategik IMDB melalui penubuhan syarikat IMDB - PSI JVCo (JVCo).

"Jho ada berkata, *they complained to daddy* (mereka (PSI) mengadu kepada bapa)... Ini bermaksud, Putera Turki Abdullah selaku wakil PSI memaklumkan perkara itu kepada Raja Abdullah (Raja Abdullah Abdulaziz Al Saud).

"Saya juga difahamkan oleh Jho Low, ada perbualan di antara Datuk Seri Najib dan Raja Abdullah mengenai isu ini.

"Kerana jumlah AS\$330 juta ini sudah dipersetujui, akhirnya saya terpaksa akur dan mengarahkan pembayaran peringkat terakhir iaitu AS\$125 juta dibuat kepada PSI," katanya.

Saksi pendakwaan kesembilan itu, berkata beliau sebelum itu mengurangkan pembayaran berkenaan kerana berdasarkan maklum balas Ketua Pegawai Pelaburan IMDB, syarikat tiada dana mencukupi untuk memenuhi permintaan PSI.

Berikutan pembayaran peringkat akhir itu Shahrol Azral berkata, dana disuntik IMDB ke dalam PSI serta Good Star Ltd, keseluruhannya berjumlah AS\$1.83 bilion.

Good Star adalah syarikat milik Jho Low yang juga anak syarikat PSI.

Shahrol Azhar berkata, daripada jumlah AS\$1.83 bilion itu, dana bagi pinjaman AS\$500 juta dan AS\$330 juta kepada PSI adalah daripada Syndicated Bridging Loan (pinjaman jangka pendek) bernilai RM2.5 bilion yang dibuat dengan Ambank dan Standard Chartered.

Ia berikutan kedua-dua bank itu yakin dengan kekuatan kewangan IMDB yang ditanggung Kerajaan Malaysia.

Saksi berkata, berikutan itu beliau merasa tidak selesa kerana suntikan dana membabitkan pelaburan yang besar, oleh itu dia meminta Jho Low mencari jalan bagaimana untuk menyegerakan PSI melaburkan kembali wang berkenaan di negara ini.

Shahrol Azhar berkata, ia berikutan projek IMDB sedang berjalan dan sekurang-kurangnya wang terbabit dapat dibawa pulang.

Beliau berkata, Jho Low mengambil maklum mengenai permintaan itu dan memberitahu akan cuba membawa pulang wang berkenaan ke tanah air.

"Seingat saya, banyak perbincangan mengenai pelaburan dengan PSI diadakan oleh Lembaga Pengarah (BOD) IMDB sejak tahun 2010 lagi... BOD mahu pelaburan dengan PSI dibawa pulang untuk projek tempatan," katanya.

Saksi itu yang memberikan keterangan tiga hari, berkata selepas pihak IMDB mengatur perbincangan dengan pihak PSI, BOD IMDB kemudian pergi ke

London pada 16 Mei 2011 bagi menyelesaikan isu untuk membawa pulang pelaburan ke tanah air.

Beliau berkata, selepas beberapa bulan perbincangan di antara peguam IMDB, Jasmine Loo Ai Swan dan PSI dengan bantuan Jho Low, akhirnya semua pihak mencapai persetujuan dengan cadangan untuk menukar bentuk pelaburan IMDB di dalam PSI daripada bentuk Nota Murabaha kepada pegangan ekuiti dalam syarikat milik PSI, iaitu PSOSL (PetroSaudi Oil Services).

"Dalam hal ini, IMDB akan membeli 49 peratus saham syarikat PSOSL dengan menukarkan nilai Nota Murabaha yang pada masa itu adalah lebih kurang AS\$2,222 juta dengan mengambil kira tambahan nilai kupon yang belum dibayar oleh PSI kepada IMDB.

"Penukaran bentuk pelaburan ini bertujuan supaya wang asal pelaburan IMDB ke dalam PSI berjumlah AS\$1,830 juta boleh dikembalikan secara berperingkat untuk digunakan dalam projek IMDB yang lain.

"Oleh kerana isu ini banyak dibincangkan dalam mesyuarat BOD IMDB dan apabila Resolusi Pekeliling Pengarah (DCR) untuk penukaran diedarkan, ahli BOD semua setuju kerana ini satu langkah ke hadapan dalam resolusi isu PSI ini walaupun pertukaran (bentuk pelaburan) ini tidak ada dibentangkan dalam mana-mana mesyuarat BOD," katanya.